



ACP Mohamad Farouk Eshak
Ketua Polis Daerah Ampang Jaya.

Berdasarkan peruntukan dalam Seksyen 3(3), Akta Polis 1967, misi konsep ini adalah untuk meneraju PDRM dalam mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, aman dan sejahtera, manakala visinya pula adalah untuk mencegah jenayah secara holistik ke arah mewujudkan komuniti sejahtera.

Susur Galur Gagasan Kepolisan Komuniti
Pada tahun 2009, kerajaan telah mengumumkan pelan transformasi kerajaan, iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), yang dikenal pasti mempunyai enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) antaranya, termasuklah untuk mengurangkan jenayah. Kajian telah menunjukkan bahawa rakyat agak bimbang dan meletakkan isu jenayah sebagai satu isu yang penting untuk ditangani oleh kerajaan. Ekoran itu, agensi pelaksana bagi bidang yang telah menasarkannya 55 inisiatif ini ialah PDRM.

Pada hujung tahun 2009, urus setia NKRA telah diwujudkan untuk melaksanakan semua inisiatif yang telah dikenal pasti. Rentetan itu, pada tahun 2013, satu sesi percambahan minda diadakan untuk mengkaji dan melihat kesesuaian untuk diwujudkan satu gagasan baharu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab pencegahan jenayah secara mantap dan bersepadu, dengan melibatkan komuniti setempat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagi merealisasikan gagasan baharu ini, beberapa siri simulasi aktiviti kepolisan komuniti telah diadakan di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Petaling Jaya dan Balai



IBU PEJABAT POLIS BUKIT AMAN PERANAN KOMUNITI DALAM MENCEGAH JENAYAH PADA PERINGKAT DAERAH

Strategi *Community Policing* ataupun Kepolisan Komuniti merupakan konsep baharu pencegahan jenayah yang sedang giat dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada peringkat daerah. Objektif utama konsep Kepolisan Komuniti adalah untuk merangka strategi, melaksanakan inisiatif dengan tujuan untuk mengurangkan jenayah dan meningkatkan persepsi positif berhubung dengan keadaan keselamatan dalam khalayak.

Polis Damansara yang lebih fokus kepada masyarakat setempat dan sesuai dengan kehendak semasa.

Sistem Bit dan Patrol

Seiring dengan gagasan Kepolisan Komuniti, PDRM pada peringkat daerah bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti pencegahan jenayah dijalankan secara efektif dan strategik melalui sistem Bit dan Patrol. Dalam leksikon kepolisan, "Bit" ataupun dalam bahasa Inggerisnya, *Beat* bermaksud sesuatu wilayah dan waktu

ketika pegawai polis menjalankan rondaan, manakala "Patrol" pula ialah sekumpulan pegawai polis yang ditugaskan untuk memerhati kawasan geografi tertentu yang dikenali dengan istilah "bit".

Rondaan pencegahan jenayah ini dilaksanakan oleh Unit Rondaan Bermotor (URB) dan MPV (*Mobile Patrol Vehicle*) berdasarkan konsep *police omnipresence* ataupun kehadiran polis di mana-mana. Kedua-dua unit rondaan berkenderaan ini berperanan sebagai pusat informasi mobil di sesuatu Bit. Ketika membuat rondaan, anggota polis dikehendaki berhenti, bertemu dan berinteraksi dengan penduduk setempat.

Kaedah rondaan ini turut digunakan oleh anggota polis sektor di balai polis sesuatu daerah yang dipertanggungjawabkan untuk mengetahui secara terperinci segala aktiviti, jalan, pola demografi dan bentuk geografi lokasi, yakni kekerapan salah laku atau jenayah adalah tinggi.



Sistem rondaan dapat membantu polis mengumpul maklumat risikan aktiviti jenayah.

Sistem Bit dan Patrol yang berpaksikan kepada interaksi dua hala antara polis dengan komuniti setempat dapat membantu pihak polis untuk saling berkongsi maklumat, seterusnya secara tidak langsung dapat membantu dalam mencegah jenayah serta mengurangkan ketakutan terhadap jenayah dalam khalayak. Pada masa yang sama, hubungan antara pihak polis dengan komuniti juga memudahkan pihak polis untuk mengumpul maklumat risikan tentang aktiviti jenayah di kawasan persekitaran.

URB dan MPV turut memberikan bantuan mengkoordinasi penugasan kepada unit lain seperti kawalan lalu lintas, bantuan operasi yang dirancang bersama agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau kerajaan.

Sukarelawan Patrol Telefon Pintar (VSP)

Volunteer Smartphone Patrol atau lebih dikenali sebagai VSP merupakan inisiatif PDRM di bawah idea Kepolisian Komuniti dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama strategik dalam usaha mencegah jenayah bersama masyarakat tempatan sebagai mata dan telinga pihak polis. Jika dahulu masyarakat boleh melaporkan jenayah melalui talian perkhidmatan pelanggan atau khidmat pesanan ringkas (SMS), namun kini dengan adanya via VSP, masyarakat dapat menyalurkan aduan serta



Aplikasi VSP diperkenalkan untuk menyalurkan maklumat dan aduan.

maklumat yang dilengkapi dengan elemen multimedia, seperti gambar, video dan koordinat sistem penentuan kedudukan sejagat (GPS) kejadian.

Aplikasi VSP, seperti aplikasi media sosial lain, boleh dimuat turun daripada Google Play Store yang disokong oleh sistem Android, iOS dan Windows Phone. Aplikasi media sosial ini dapat memberikan didikan dan kesedaran sivik kepada masyarakat dalam pelbagai sudut keselamatan, seperti mencegah dan memberantas jenayah. Hal ini dikatakan demikian dapat mengeratkan hubungan mesra antara polis dengan masyarakat serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pihak polis.

Persatuan Kepolisian Komuniti (PKK)

Persatuan Kepolisian Komuniti (PKK) ialah satu bentuk kerjasama antara PDRM dan masyarakat setempat melalui konsep "Smart Partnership", yang menyeragamkan pelbagai persatuan untuk menjalankan aktiviti dan program berbentuk Kepolisian Komuniti. PKK merupakan satu organisasi yang didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dan menjadi perantara kepada penduduk setempat dan PDRM, terutamanya dalam menjalankan aktiviti pencegahan jenayah. Berdasarkan kajian, usaha PKK melalui pelaksanaan rondaan ini jelas dapat membantu menurunkan kadar jenayah setempat. Segala aktiviti sukarelawan di bawah organisasi ini diselenggarakan melalui program bersama-sama orang awam, seperti ceramah, dialog, perjumpaan, mesyuarat, aktiviti keagamaan, riadah dan gotong-royong.

Selain itu, program Hari Bertemu Pelanggan diadakan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali setahun. Pertemuan bersama dan komunikasi dua hala dengan komuniti ini dijadikan sebagai wadah untuk membincangkan pelbagai masalah semasa yang dihadapi oleh penduduk setempat dan penyelesaiannya. Oleh itu, ruang bagi perlakuan jenayah dapat disekat melalui konsep rondaan bersepadu dengan wujudnya elemen antirasuah yang lain, seperti Skim Rondaan Sukarelawan (SRS), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Penduduk, Persatuan Kepolisian Komuniti, Kelab Pencegahan Jenayah dan persatuan lain yang berdaftar secara sah.

AMANITA

Sayap AMANITA ataupun Wanita Aman di bawah gagasan Kepolisian Komuniti merupakan pendekatan terbaik dalam memperoleh maklumat jenayah yang tidak dilaporkan dan akan



AMANITA bertanggungjawab untuk menggerakkan ahlinya menemui komuniti, khususnya golongan suri rumah.

menghubungkan pegawai polis wanita dengan persatuan penduduk, terutamanya suri rumah. Dengan adanya hubungan akrab antara AMANITA dengan masyarakat, hal ini bukan sahaja dapat mengurangkan tahap kebimbangan terhadap jenayah, malah persepsi masyarakat setempat terhadap kualiti pasukan PDRM juga dapat dibina dengan baik.

Secara umumnya, AMANITA dapat dijadikan sebagai perantara bagi mendapatkan sebarang maklumat khususnya yang berunsur jenayah daripada golongan suri rumah. Maklumat terkumpul kemudiannya disalurkan kepada jabatan atau unit berkaitan di balai polis bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. AMANITA bertanggungjawab untuk menggerakkan ahlinya menemui komuniti pada setiap kampung, taman perumahan atau residensi untuk mendampingi dan beramah mesra dengan masyarakat umum.

Selain mewujudkan hubungan mesra antara PDRM dengan golongan suri rumah pada peringkat daerah, AMANITA juga menjadi sumber maklumat bagi kejadian salah laku yang lazimnya terlepas pandang daripada pihak berwajib kerana tidak dilaporkan atas alasan menjaga hubungan baik sesama jiran, tidak mahu menjaga tepi kain orang lain ataupun demi menjaga nama baik keluarga.

Keberkesanan Keempatian Kepolisian Komuniti

Kewujudan konsep Kepolisian Komuniti telah menyediakan satu platform baharu bagi PDRM untuk menangani jenayah dengan menjadi sebahagian daripada komuniti berbanding dengan konsep sebelum ini yang melihat mereka sebagai klien industri jenayah semata-mata.

Perspektif baharu ini membolehkan PDRM terutamanya pada peringkat daerah untuk mengambil langkah proaktif dan bersepadu terhadap komuniti tempatan dalam usaha menangani kadar jenayah. Hubungan mesra yang terjalin jelas membolehkan PDRM untuk memperoleh maklumat risikan daripada komuniti setempat dengan lebih mudah. Dengan maklumat risikan tersebut, PDRM dapat mengatur strategi yang lebih jitu dalam mengesan, menangkap, menuduh dan sekali gus menyekat peluang melakukan jenayah bagi anggota komuniti pada peringkat daerah, khususnya dan Malaysia secara amnya.